

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Menjelang tahun 1990an, satu transformasi telah berlaku dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Tentera Darat (TD) khususnya. Transformasi yang dimaksudkan adalah perubahan dari sebuah angkatan perang melawan insurgensi (PMI) kepada sebuah angkatan perang konvensional yang kredibel dengan perolehan aset dan kelengkapan moden yang serba canggih serta berkeupayaan tinggi. Transformasi ini bukan hanya disebabkan perletakan senjata oleh Parti Komunis Malaya (PKM) malah juga kesan dari perubahan angkatan tentera global serta Perang Teluk yang berlaku pada 2 Ogos 90 hingga 28 Feb 91.

Pada masa sekarang perolehan aset-aset yang mempunyai keupayaan dan nilai yang tinggi atau strategik yang pada suatu ketika dahulu hanya diimpikan oleh generasi awal anggota dan pegawai TD kini telah menjadi kenyataan. Dalam melaksanakan proses modenisasi ini, TD telah menekankan kepentingan mobiliti dan kuasa tembakan. Bagi memenuhi keperluan mobiliti dan ketangkasan TD telah menubuhkan sebuah briged aturgerak cepat yang mampu digerakkan ke mana sahaja dalam masa yang singkat serta penubuhan briged mekanis yang dilengkapi dengan kenderaan tempur berperisai. Untuk memenuhi keperluan

kuasa tembakan pula telah memperlihatkan pembesaran Rejimen Artileri Diraja (RAD) dengan penubuhan beberapa pasukan baru serta pemilikan persenjataan baru yang lebih berteknologi tinggi. Pasukan Artileri Pertahanan Udara (PU) yang merupakan salah satu cabang dalam RAD adalah antara yang dilihat mengalami perkembangan yang begitu ketara.

Perang Teluk telah banyak memberi inspirasi kepada perubahan ketara ini. Jika dilihat pada fasa pertama serangan ketika peperangan tersebut, lebih menjurus kepada serangan udara tentera bersekutu ke atas sasaran strategik dan seterusnya sasaran taktikal Iraq. Serangan udara tersebut bukan hanya hadir dari pesawat-pesawat pejuang malah juga dari misil terbang bebas (cruise missile), pesawat udara tanpa pemandu (Unmanned Aerial Vehicle) dan helikopter penyerang. Kemampuan Artileri PU Iraq pada ketika itu dilihat tidak mampu menangkis serangan udara yang bertali arus serta faktor keupayaan pesawat udara tentera bersekutu yang begitu tinggi. Sejak dari perang tersebut ramai pakar strategik ketenteraan mengakui kepentingan Artileri PU dalam pertahanan sesebuah negara.

Melihat kepada fenomena tersebut TD telah tidak terkecuali dari merasai tempiasnya. Usaha untuk memperkasakan Artileri PU telah berlaku dengan begitu ketara. Sehingga tahun 1994, TD hanya memiliki sebuah pasukan Artileri PU. Namun mulai dari tahun 1994 sehingga tahun 2008, sebanyak lima buah pasukan baru serta sebuah markas formasi yang mengawal pasukan-pasukan ini

telah ditubuhkan. Penubuhan pasukan baru ini turut menyaksikan pelbagai sistem persenjataan Artileri PU baru yang serba canggih dan berteknologi tinggi memasuki inventori perkhidmatan TD dengan kos berbilion ringgit.

Pemilikan sistem persenjataan Artileri PU yang berkeupayaan tinggi adalah sangat penting bagi menyaingi kemajuan teknologi pesawat pejuang yang berkembang dengan begitu pesat. Bagi mengekalkan Artileri PU terus relevan, TD telah melengkapkan pasukan-pasukan tersebut dengan sistem persenjataan yang berkeupayaan dan berteknologi tinggi. Antara yang berada dalam perkhidmatan pada ketika ini adalah meriam 35mm *Oerlikon*, misil *Starburst*, misil *Igla*, misil *Anza* hinggalah yang tercanggih dimiliki iaitu sistem persenjataan misil *Jernas*. Semua sistem persenjataan ini disokong dengan sistem radar amaran awal dan amaran tempatan seperti radar TRML-3D, radar *Giraffe* dan radar kawalan tembakan *Skyguard*. Bagi menentukan semua senjata ini dioperasikan pada tahap keupayaan optima, ia memerlukan anggota yang mahir dan berkecekapan tinggi untuk mengoperasikannya.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Dalam membentuk sebuah angkatan tentera konvensional yang kredibel, perkara yang harus dititik beratkan adalah pembangunan modal insan. Pembangunan modal insan ini penting bukan hanya untuk melahirkan anggota yang cekap dalam pengendalian peralatan malah juga bagi melahirkan anggota

yang berpengetahuan serta berfikiran strategik. Menyedari keperluan ini, TD telah mengimplimentasikan sistem latihan yang dikenali sebagai Sistem Latihan Tentera Darat (SLTD) yang telah mula digunakan sejak tahun 1983.

Sungguhpun demikian, keupayaan anggota TDM dalam mengoperasikan sistem persenjataannya dilihat masih mempunyai kelemahan serta masih boleh dioptimakan lagi. Kelemahan ini mungkin berpunca dari kegagalan anggota dalam memahami sifat dan kelakuan peralatan mahupun sistem persenjataan yang dikendalikannya. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi semasa menjadi Menteri Pertahanan pernah turut memberi teguran iaitu tiada gunanya untuk ATM memiliki senjata atau peralatan canggih tetapi tidak tahu menggunakannya atau hanya tahu menggunakannya dalam beberapa cara sahaja sedangkan ia boleh digunakan melalui banyak cara.

Tahap kecekapan pengendalian yang tidak optima ini mungkin akibat kegagalan anggota dalam memahami bahasa yang digunakan serta kurang pendedahan kepada penggunaan alatan elektronik. Persoalannya adakah kelemahan tersebut berpunca dari awal (pengambilan anggota yang tidak berteraskan kelayakan), sikap anggota itu sendiri atau kelemahan sistem latihan yang ada. Sebagai contoh jika kebanyakan modal insan TD hanya mempunyai kelulusan di tahap sekolah rendah atau mungkin juga pada peringkat PMR, apakah mereka berkemampuan untuk mengoperasi, menyelenggara serta membaik-pulih sistem-

sistem persenjataan berteknologi tinggi yang digunakan dalam peperangan hari ini.

1.3 OBJEKTIF PENYELIDIKAN DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif umum kajian ini adalah untuk membincangkan keperluan keseimbangan pembangunan modal insan menjurus kepada pembangunan yang berlaku di dalam Artileri PU TD sejajar dengan pemilikan peralatan berteknologi tinggi. Manakala objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Mengenal pasti hubung kait tahap intelektual anggota dengan keupayaan mengoperasikan peralatan.
- b. Menilai tahap pengetahuan anggota Artileri PU terhadap kemajuan teknologi persenjataan Artileri PU.
- c. Menilai keberkesanan pembangunan modal insan Artileri PU.
- d. Memberi cadangan atau pelan tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan tahap kecekapan yang perlu dimiliki oleh anggota Artileri PU.

Berdasarkan kepada objektif di atas persoalan kajian yang akan dihuraikan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Adakah taraf pendidikan anggota mempunyai kaitan terhadap kecekapan mereka dalam mengoperasikan peralatan?
- b. Adakah pengetahuan anggota terhadap teknologi persenjataan menjadi faktor penyumbang kepada kecekapan mereka dalam mengoperasikan peralatan?
- c. Adakah dengan mengadakan latihan lebih kerap berupaya melahirkan anggota yang cekap dalam mengendalikan peralatan?
- d. Adakah faktor sikap anggota terhadap pelaksanaan tugas menjadi penyumbang kepada kecekapan mereka?

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting dalam usaha untuk mengenal pasti keberkesanan pembangunan modal insan Artileri PU. Untuk mengenal pasti keberkesanan pembangunan modal insan tersebut kajian akan menjurus kepada keberkesanan kursus-kursus kerjaya serta latihan yang dilaksanakan. Kajian ini juga akan menilai kesan pengambilan pegawai dan anggota Artileri PU yang dibuat tanpa mengambil kira tahap kelayakan akademik yang lebih khusus. Selain dari itu ia juga akan menilai hubung kait tahap intelektual pegawai dan anggota terhadap keupayaan serta kecekapan mereka mengoperasikan sistem persenjataan moden yang dimiliki ke tahap optima.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan terhadap pegawai dan anggota pasukan-pasukan Artileri PU TD. Ia membabitkan pasukan yang berada di bawah kawalan Markas Artileri Pertahanan Udara (Mk GAPU) serta pasukan di bawah kawalan markas formasi yang lain. Selain dari pasukan-pasukan tersebut, kajian turut melibatkan Cawangan Pertahanan Udara, Pusat Latihan Artileri (Cwg PU, PUSARTI) sebagai pihak yang bertanggungjawab melatih pegawai dan anggota dalam aspek taktikal dan teknikal persenjataan Artileri PU. Penglibatan cawangan ini sangat penting dalam mendapatkan data-data pencapaian kursus yang dilaksanakan serta tahap pencapaian latihan yang dilaksanakan oleh pasukan-pasukan. Sampel responden diambil dari semua peringkat meliputi pihak pengurusan latihan, pegawai serta anggota dari setiap pasukan yang terlibat.

1.6 STRUKTUR LAPORAN

Laporan kajian ini merangkumi 5 bab. Kandungannya adalah seperti berikut:

1.6.1 Bab 1. Pendahuluan dan akan menyentuh latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif penyelidikan, kepentingan kajian dan skop kajian.

1.6.2 Bab 2. Sorotan kajian lepas yang merangkumi definasi, proses kemasukan pegawai dan anggota, SLTD, konsep pembangunan modal insan Artileri PU serta penemuan yang diperolehi oleh pengkaji terdahulu.

1.6.3 Bab 3. Metodologi kajian merangkumi kaedah pembinaan hipotesis, mereka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, saiz sampel serta kaedah yang digunakan dalam menganalisa data.

1.6.4 Bab 4. Pelaksanaan dan hasil kajian berpandukan kepada statistik, analisa pengukuran dan ujian terhadap hipotesis.

1.6.5 Bab 5. Kesimpulan meliputi penemuan rumusan dan implikasi kajian serta cadangan.

1.7 KESIMPULAN

Anggapan bahawa peperangan abad moden masih mengharapkan serangan fizikal secara besar-besaran oleh ketumbukan kereta kebal tidak lagi menjadi relevan dan ia sudah menjadi doktrin yang ketinggalan zaman. Gambaran yang bakal tercetus dalam peperangan abad ke 21 adalah pihak musuh akan menerbangkan pesawat-pesawat kombat membolosi ruang udara dengan melancarkan serangan mutlak ke atas pasukan tentera di daratan. Oleh itu, hampir seluruh pasukan tentera dunia sedang melengkapkan angkatan tentera

mereka dengan sistem persenjataan pertahanan udara yang canggih yang berupaya melindungi aset dan anggota dengan efektif. Pemilikan sistem persenjataan yang berteknologi tinggi ini tidak akan bermakna jika sumber insan yang mengoperasikannya tidak dapat mengoptimalkan penggunaannya akibat kekurangan pengetahuan, kurang latihan serta sikap tidak ambil peduli terhadap kemampuan teknologi tersebut.